



08 JUN, 2021

30 tan metrik lambakan hasil pertanian

Sinar Harian, Malaysia

30 tan metrik lambakan hasil pertanian

Tiga daerah terkesan ialah Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Agro Prihatin Selangor menerima 11 aduan berhubung lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di tiga daerah di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tiga daerah yang terkesan ialah di Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

"Lambakan komoditi pertanian (pelbagai jenis) di tiga

daerah itu berjumlah 30 tan metrik. Bagaimanapun masalah itu dijangka dapat ditangani apabila lambakan hasil

pertanian terbabit akan dibeli dan dipasarkan ke 12 cawangan yang telah dikenal pasti.

"Tunggu maklumat lanjut mengenai jualan dalam masa terdekat," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Lakaran grafik yang dimuat naik di Facebook terbabit menunjukkan enam komoditi hasil pertanian di tiga daerah terbabit mengalami lambakan pada Sabtu.

Antara jenis komoditi pertanian itu ialah pisang tanduk, pisang berangan, cili kulai 461, cili bara, ubi kayu dan limau kasturi.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Pada Rabu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM-

500,000 untuk membeli lambakan hasil pertanian di seluruh negeri susulan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh sekarang ini.

Amirudin dilaporkan berkata, menerusi program Agro Prihatin Selangor itu, urusan pembelian akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta seluruh jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa Pertanian dan Perladangan dan Industri Asas Tani.



Lambakan hasil pertanian yang dihadapi di tiga daerah di negeri Selangor.



08 JUN, 2021

30 tan metrik lambakan hasil pertanian

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tiga daerah terkesan ialah Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor

Agro Prihatin Selangor menerima 11 aduan berhubung lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di tiga daerah di negeri ini. Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tiga daerah yang terkesan ialah di Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor. "Lambakan komoditi pertanian (pelbagai jenis) di tiga

daerah itu berjumlah 30 tan metrik.